

Bintang Piala Dunia perkuat Unikl

Oleh ZAZALI JAMIAN
sulkan.utusan@gmail.com.my

■ KUALA LUMPUR 22 DIS.

SKUAD hoki Universiti Kuala Lumpur (Unikl) bakal menjadi tumpuan utama dalam Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL) 2019 apabila diperkuatkan enam pemain import berstatus bintang dunia.

Antara nama besar yang bakal menggar ligo hoki tempatan musim depan adalah dua tonggak yang membantu Belanda muncul naib juara Piala Dunia 2018, Robert Kempferman (pertahanan) dan Valentin Verga (engah). Empat lagi ialah penjaga gol Ireland, David Harte, dua pemain Australia, Timothy Deavin dan Keiren Govers serta bekas pemain Belanda, Martijn Havenga.

“Unikl akan cuba mempertahankan kejuaraan Piala TNB, selain menyasarkan untuk meraih keputusan terbaik dalam liga utama. “Dengan adanya stadium baharu iaitu Stadium Hoki Tengku Abdullah di Bangi sudah tentu akan menaikkan lagi semangat pemain. “Malah, kemasukan beberapa nama besar yang memiliki pengalaman antarabangsa mengukuhkan semangat Unikl untuk memburu seberapa banyak trofi musim

2019,” kata pembantu pengurus Unikl, Saiful Azhar Mohd. Afandi. Saingan liga akan bermula dengan perebutan Piala Sumbangsih di antara Pasukan Hoki Terengganu (TH) dan Unikl pada 11 Januari ini, sebelum berakhir pada 3 Mac. Selain muncul juara Piala TNB, Unikl menamatkan kempen 2018 dengan menduduki tangga keempat dalam saingan Liga Malaysia yang dimenangi oleh TH.



VALENTIN VERGA

ROBERT KEMPERMAN